

BERITA HARIAN

DATE: 21/10/2007

# NCER, ECER manfaat untuk semua kaum

PM beri jaminan utama projek majukan rakyat

Oleh Fazli Abdullah

**G**ORGETOWN: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi memberi jaminan semua projek yang dirancang seperti Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER) dan Wilayah Ekonomi Koridor Timur (ECER) tetap dilaksanakan walaupun mengambil masa.

Perdana Menteri berkata, projek berkenaan mengambil masa panjang dan bukan mudah untuk dilaksanakan kerana membabitkan banyak pihak.

Beliau berkata, projek itu dilaksanakan untuk kepentingan rakyat negara ini tanpa mengira kaum dan agama supaya mereka dapat sama-sama menikmati hasil pembangunan negara.

"Saya mahu projek itu dilaksanakan dan disiapkan. Saya tidak boleh tipu atau mengambil ringan terhadap projek itu.

"Jika saya tidak peduli (terhadap pelaksanaan projek), saya kena marah dan sekarang pun dah ada orang marah," katanya ketika berucap pada majlis makan malam masyarakat Cina sempena menyambut ulang tahun ke-50 kemerdekaan negara di Arena Sukan Antarabangsa Pulau Pinang (PISA) di sini, malam tadi.

Hadir sama, Datin Seri Jeanne Abdullah; Ketua Menteri, Tan Sri Dr Koh Tsu Koon; Timbalan Ketua Menteri, Datuk Seri Abdul Rashid Ab-

dullah; Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Chan Kong Choy dan Presiden Persekutuan Gabungan Pertubuhan Cina Malaysia, Tan Sri Lim Gait Tong.

Abdullah berkata, ketika kerajaan pimpinannya menggubal manifesto Pilihan Raya Umum 2004, ia bukannya membabitkan perancangan untuk tempoh lima tahun tetapi mengambil kira untuk tempoh 15 tahun bagi mencapai Wawasan 2020.

"Kita tidak boleh laksana (semua projek) dalam tempoh empat tahun. Ini memerlukan masa panjang," katanya.

Perdana Menteri berkata, adalah mudah untuk merangka dasar dan membuat perancangan atau membuat kenyataan mengenai sesuatu projek, tetapi sukar untuk memastikan ia dilaksanakan dengan baik.

**“**Saya mahu projek itu dilaksanakan dan disiapkan. Saya tidak boleh tipu atau mengambil ringan terhadap projek itu”

**Abdullah Ahmad Badawi**  
Perdana Menteri

Katanya, walaupun beliau yang membuat kenyataan, banyak pihak yang perlu melaksanakannya.

"Jika kita anggap bahawa apa yang nak dibuat itu baik dan elok, walaupun ada masalah, kita mesti laksanakan dengan baik," katanya.

Abdullah juga mengakui bukan satu perkara yang mudah untuk memimpin sebuah negara yang mempunyai pelbagai bangsa dan agama, malah tiada contoh untuk diteladani.

Oleh itu, katanya, sebaik saja beliau mengambil alih kepimpinan negara, perkara pertama yang perlu difahami ialah memimpin rakyat pelbagai agama dan bangsa.

"Ini adalah perasaan saya. Ia bukan satu perkara mudah untuk memimpin negara yang pelbagai agama dan bangsa," katanya.

Pada majlis itu, Perdana Menteri turut menegaskan kerajaan tidak akan menukar sistem pemerintahan negara kepada sistem lain seperti diktator.

Sebaliknya, katanya, kerajaan akan terus mengamalkan sistem demokrasi yang terbukti berjaya membangunkan negara serta membolehkan rakyat hidup aman dan damai.

"Kita tidak akan tukar sistem demokrasi di Malaysia, yang ditentukan oleh rakyat," katanya sambil meminta rakyat terus mengamalkan semangat muafakat dan mengekalkan perpaduan.